'Buli adalah buli tidak kira babitkan anak sesiapa' - Fadhlina

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Oktober 7, 2024 @ 2:53pm
bhnews@bh.com.my



Fadhlina bersama Amirudin bergambar bersama pelajar cemerlang SPM 2023 selepas melancarkan simbolik perasmian Program Tekad Reformasi Pendidikan di Dewan Sri Chempaka, Saujana Impian. - Foto HAZREEN MOHAMAD

KAJANG: Kementerian Pendidikan (KPM) sudah menyerahkan kes salah laku buli di sebuah sekolah membabitkan anak penyanyi, Tam Spider, baru-baru ini kepada pihak berkuasa untuk melakukan siasatan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata kementerian itu tidak berkompromi dengan kes buli dan sudah mengambil langkah sewajarnya.

Selain tindakan yang sudah diambil oleh pihak berkuasa, beliau berkata, pihaknya juga sudah mengeluarkan garis panduan bagi menangani gejala buli.

"Saya mahu seluruh ekosistem persekolahan harus dipastikan selamat. Mana-mana pihak yang sudah membuat tindakan kepada pihak berkuasa, khususnya pihak polis, kita serahkan kepada pihak berkuasa untuk melakukan siasatan.

"Jadi sekali lagi saya ingin menegaskan, kita tidak kompromi dalam soal buli, tindakan tegas akan diambil kerana siasatan kita yang lakukan dan serahkan kepada pihak berkuasa untuk melakukan siasatan lanjut," katanya pada sidang media selepas

merasmikan Program Tekad Reformasi Pendidikan di Dewan Sri Cempaka di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, Tam atau nama sebenarnya, Rustam Mustafah, 51, dikatakan kesal dengan pihak sekolah berasrama anaknya yang tidak peka dan tidak mengambil tindakan terhadap masalah buli di sekolah itu.

Tam mendedahkan anak lelakinya yang berusia 14 tahun menjadi mangsa buli sekolah dan susulan pendedahan itu, beberapa ibu bapa di sekolah itu tampil mendedahkan perkara sama.

Mengulas lanjut, Fadhlina turut menegaskan bahawa buli adalah buli tidak kira ia membabitkan anak sesiapa pun.

"Jadi kita tidak kompromi dalam soal ini," katanya.

Semalam, media melaporkan, polis sudah membuka kertas siasatan kes buli membabitkan anak penyanyi berkenaan dan pelajar lain.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Sulizme Affendy Sulaiman dilaporkan berkata, setakat hari ini (semalam), lima laporan polis sudah diterima pihaknya berkaitan isu itu.